



## PERANAN PARTI POLITIK DALAM MEMBINA KESEJAHTERAAN MASYARAKAT- SATU KAJIAN LITERATUR

### *THE ROLE OF POLITICAL PARTIES IN DEVELOPING COMMUNITY PROSPERITY – A LITERATURE REVIEW*

Siti Aisyah Mohamad Zin<sup>1\*</sup>, Mohd Firdaus Md Zain<sup>2</sup>, Mohd Syariefudin Abdullah<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: aisyah.zin@fsk.upsi.edu.my

<sup>2</sup> School of Education & Cognitive Science, Asia e University, Malaysia  
Email: firdaus\_mzain@gmail.com

<sup>3</sup> Jabatan Pengajian Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia  
Email: syariefudin@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

##### To cite this document:

Zin, S. A. M., Md Zain, M. F., & Abdullah, M. S. (2022). Peranan Parti Politik Dalam Membina Kesejahteraan Masyarakat- Satu Kajian Literatur. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (29), 477-491.

DOI: 10.35631/IJLGC.729034.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Pada 21 Ogos 2021, ahli parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan. Dengan kerajaan baharu di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah memperkenalkan konsep “Keluarga Malaysia”. Pendekatan Keluarga Malaysia bertepatan dalam konteks kesejahteraan negara dan rakyat apabila ia menawarkan nilai murni dalam institusi kekeluargaan seperti hormat menghormati, berkasih sayang, keharmonian, pengertian dan pengorbanan. Jika dilihat kepada kepemimpinan atau kerajaan terdahulu, setiap pemimpin mempunyai slogan, seruan dan logo tersendiri. Tun Dr Mahathir Mohamad misalnya, mengagaskan Wawasan 2020, manakala Tun Abdullah Ahmad Badawi memperkenalkan konsep Islam Hadhari, Datuk Seri Najib Razak menggunakan 1Malaysia, Pakatan Harapan (PH) tampil dengan Malaysia Baharu dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan Malaysia Prihatin. Kajian ini bertujuan mengkaji peranan parti politik di Malaysia yang mewakili politik di negara ini, dari sudut pendekatan dalam mendepani cabaran masa kini serta cabarannya pada masa akan datang dalam membina masyarakat yang sejahtera. Kajian ini berbentuk analisis kandungan yang menggunakan pendekatan kaedah analisis dokumen dalam proses pengumpulan data. Data-data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat persamaan antara semua parti politik dari segi dasar yang berkaitan dengan usaha memajukan rakyat dan negara dalam membentuk masyarakat yang sejahtera. Walaupun masih menekankan aspek kebajikan dan janji menyediakan kerajaan bersih daripada amalan rasuah, cabaran besar parti politik di masa hadapan adalah dalam

mendapatkan sokongan rakyat menyeluruh dan dapat menangani apa jua halangan dan cabaran. Hasil kajian juga memberi implikasi iaitu pemikiran politik yang dinamik dan matang dapat berkembang sejajar dengan pergerakan masa. Kemajuan dan kelemahan pengalaman politik negara boleh menjadi asas kepada pembangunan pemikiran politik keseluruhannya kearah mempertingkatkan peranan agama dalam pembinaan masyarakat yang sejahtera.

**Kata Kunci:**

Politik, Kesejahteraan dan Masyarakat.

**Abstract:**

On 21 August 2021, Bera MP Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob was sworn in as the ninth Prime Minister of Malaysia. With the new government under the leadership of the Prime Minister, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob has introduced the concept of "Malaysian Family". The Malaysian Family approach is appropriate in the context of the well-being of the nation and the people when it offers noble values in the family institution such as respect, love, harmony, understanding and sacrifice. If you look at the previous leadership or government, each leader has their own slogan, call and logo. Tun Dr Mahathir Mohamad, for example, came up with Vision 2020, while Tun Abdullah Ahmad Badawi introduced the concept of Islam Hadhari, Datuk Seri Najib Razak used 1Malaysia, Pakatan Harapan (PH) came up with New Malaysia and Tan Sri Muhyiddin Yassin with Malaysia Cares. This study aims to examine the role of political parties in Malaysia that represent politics in the country, in terms of approaches in facing the challenges of today and the challenges in the future in building a prosperous society. This study is a content analysis that uses the document analysis method approach in the data collection process. The collected data were analyzed through descriptive and comparative approaches. The results of the study found that there are similarities between all political parties in terms of policies related to efforts to develop the people and the country in forming a prosperous society. While still emphasizing the welfare aspect and the promise of providing a clean government from corrupt practices, the big challenge of political parties in the future is in gaining the support of the people as a whole and being able to address any obstacles and challenges. The results of the study also have implications, namely dynamic and mature political thinking can evolve in line with the movement of time. The progress and weakness of the country's political experience can be the basis for the development of political thought as a whole towards especially in promoting the role of religion in the process of development prosperous society.

**Keywords:**

Politic, Prosperity and Community.

**Pengenalan**

Penularan wabak COVID-19 memberikan impak yang besar dalam kalangan masyarakat dunia khususnya di Malaysia, dari aspek sosio ekonomi sehinggalah membawa kepada isu konflik politik. Terdapat banyak kajian-kajian terkini berkenaan pandemik COVID-19 telah dijalankan oleh pengkaji dari seluruh dunia. Wabak COVID-19 juga turut memberi kesan kepada dunia politik di negara ini. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada rakyat Malaysia adalah bertujuan untuk memutuskan rantaian wabak dengan membuat penjarakan sosial yang

bermula 18 Mac 2020 (Siti Aisyah et al. 2021). Isu COVID-19 ini kelihatan lebih sukar kerana ia berlaku secara serentak dengan konflik politik yang berlaku dalam negara kita. Negara pada ketika itu berhadapan dengan dua isu utama secara serentak, iaitu isu penjaran kuasa dan isu kesihatan penularan wabak COVID-19 yang mengancam nyawa (Mohd Razali, Harun, Murshamshul & Musa 2020).

Pada 21 Ogos 2021 (Berita Harian 2021), ahli parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kesembilan. Dengan kerajaan baharu di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah memperkenalkan konsep “Keluarga Malaysia”. Beliau memperkenalkan konsep ini dalam ucapan sulung seurus dilantik menjadi Perdana Menteri yang kesembilan. Konsep Keluarga Malaysia menjadi pilihan diketengahkan dalam menghadapi situasi sukar negara yang masih bergelut dengan impak penularan pandemik COVID-19. Pendekatan Keluarga Malaysia bertepatan dalam konteks kesejahteraan negara dan rakyat apabila ia menawarkan nilai murni dalam institusi kekeluargaan seperti hormat menghormati, berkasih sayang, keharmonian, pengertian dan pengorbanan. Jika dilihat kepada kepemimpinan atau kerajaan terdahulu, setiap pemimpin mempunyai slogan, seruan dan logo tersendiri. Tun Dr Mahathir Mohamad misalnya, menggagaskan Wawasan 2020, manakala Tun Abdullah Ahmad Badawi memperkenalkan konsep Islam Hadhari, Datuk Seri Najib Razak menggunakan 1Malaysia, Pakatan Harapan (PH) tampil dengan Malaysia Baharu dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dengan Malaysia Prihatin. Pembangunan Keluarga Malaysia harus mempunyai halatuju dan neratif yang jelas, pihak kerajaan perlu menyediakan satu panduan kepada rakyat terhadap realiti dan cabaran baru yang dihadapi negara selepas berlaku konflik politik. Dasar ini memberi kesan besar kepada kehidupan masyarakat Malaysia dalam membina masyarakat yang sejahtera, seiring dengan falsafah sejahtera. Peranan parti politik di Malaysia yang mewakili politik di negara ini dilihat dari sudut pendekatan dalam mendepani cabaran masa kini serta cabarannya pada masa akan datang dalam membina masyarakat yang sejahtera. Kejayaan sesebuah parti yang mendapat sokongan dan dukungan daripada golongan belia masa kini yang lebih mengetahui ragam dunia politik di hujung jari memandangkan mereka merupakan generasi teknologi maklumat untuk mendapatkan maklumat dan berita terkini mengikuti hal ehwal politik Malaysia (Nur Ellyana & Junaidi, 2020). Dalam situasi sukar negara masih bergelut dengan impak penularan pandemik COVID-19, pendekatan Keluarga Malaysia bertepatan dalam konteks kesejahteraan negara dan rakyat apabila ia menawarkan nilai murni dalam institusi kekeluargaan seperti kasih sayang, toleransi, empati serta pengorbanan (Noridah Abdul Rahim 2021). Semangat Keluarga Malaysia jelas dilihat melalui persefahaman yang dicapai antara kerajaan dan pembangkang yang mengetepikan agenda politik demi rakyat dan negara.

Menurut Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Musa (2021) sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan Keluarga Malaysia adalah dalam konteks pengurusan dan pentadbiran negara, ia bukan soal istilah Keluarga Malaysia itu tetapi adalah nilai-nilai yang terbit daripada suasana keluarga yang boleh diterjemahkan dalam kehidupan bernegara. Antara nilai-nilainya ialah harmoni, bersatu padu, ada rasa kecintaan, keprihatinan antara satu sama lain dan mempunyai kerukunan (Budiman Mohd Zohdi. 2021). Jika diterjemahkan dalam pengurusan negara, ia menjadikan satu falsafah pengurusan yang sangat besar maknanya kepada negara Malaysia (Budiman Mohd Zohdi. 2021). Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa merupakan penulis lirik lagu Keluarga Malaysia yang mengajak seluruh rakyat mengenali, memahami dan membina sebuah Keluarga Malaysia (Harian Metro 2021).

## Kerangka Teoritikal

Kajian ini berpandukan kerangka konsep perubahan sosial berasaskan model *linear cyclical* di mana sejarah kehidupan manusia, termasuk politik berubah-ubah dan ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang saling bertindak balas dalam sebuah ekosistem kehidupan yang dinamik.

Pada pandangan ahli sains sosial, perubahan sosial adalah segala bentuk perubahan institusi sosial di dalam suatu masyarakat yang akan mempengaruhi sistem sosialnya, termasuk di dalamnya nilai-nilai, sikap dan pola-pola peri kelakuan di antara kelompok-kelompok dalam masyarakat. Secara umumnya, suatu perubahan di bidang tertentu akan mempengaruhi bidang-bidang yang lain. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan teori perubahan sosial. Menurut Gerth dan Mills (Rohana Yusof 2006) perubahan sosial adalah sesuatu proses yang berlaku berdasarkan satu urutan masa terhadap peranan dan institusi sesuatu sistem sosial. Perubahan yang dimaksudkan boleh disifatkan sebagai kearah pertumbuhan sistem sosial berkenaan.

Perubahan politik di negara dipengaruhi oleh faktor-faktor perubahan sosial yang mendorong perubahan terhadap sikap politik masyarakat. Pergerakan politik negara merupakan salah satu institusi sosial yang telah memberikan tindak balas dan ia ditunjukkan menerusi kegiatan pemikiran dan aktivisme sosial bertujuan bagi menghalang perubahan sedia ada dan membentuk nilai-nilai ke arah perubahan baru. Reaksi terhadap perubahan sosial juga menimbulkan kepelbagaian bentuk. Kelahiran slogan dan fokus sesebuah kepimpinan misalnya adalah kesan dari tindak balas berbeza terhadap perubahan sosial yang tumbuh. Persaingan bagi mendepani perubahan dan mengekalkan tradisi mendorong kepelbagaian pendekatan politik negara. Persamaan dan perbezaan antara pelbagai pergerakan politik menunjukkan dinamika perubahan politik di negara kita hari ini. Pendekatan proaktif yang diambil oleh aktivis juga membuktikan bahawa pendukung perjuangan sesebuah parti berpendirian positif dan pragmatik demi kepentingan masyarakat dan negara. Kemampuan kumpulan ini menyesuaikan dari sudut pendekatan parti dengan kehendak dan situasi masyarakat dapat menjelaskan bahawa mereka lebih mementingkan kesejahteraan dan kebajikan masyarakat sama ada dalam bentuk pembangunan yang bersifat kerohanian mahupun pembangunan jasmani daripada melaksanakan agenda peribadi (Siti Aisyah, MZ. 2018). Manifesto pilihan raya dan prestasi parti juga memainkan peranan penting dalam mendekatkan parti politik dengan bakal pengundi di dalam pilihan raya (Idris Aman 2014).

## Metodologi

Kajian ini berbentuk analisis kandungan yang menggunakan pendekatan kaedah analisis dokumen dalam proses pengumpulan data. Data-data yang dikumpulkan dianalisis melalui pendekatan deskriptif dan komparatif. Kajian dilakukan secara holistik bagi memaparkan elemen yang dikaji dalam persekitaran bagi menampakkan perspektif penulis. Dalam kaedah kualitatif terdapat pelbagai kaedah pengumpulan data yang boleh digunakan. Namun, dalam penyelidikan ini, satu kaedah digunakan iaitu analisis dokumen. Kajian ini dihasilkan dengan mendapatkan maklumat melalui analisis dokumen. Analisis dokumen yang dijana telah dibahagikan kepada satu sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Melalui kaedah analisis dokumen, pelbagai maklumat mengenai parti politik negara dapat dianalisis dari pelbagai sudut. Penulis juga menggunakan metode perbandingan dalam kajian. Metode perbandingan adalah suatu metode yang melihat persamaan atau perbezaan yang terdapat dalam teori pengkajian bagi melihat perspektif teori dalam pelbagai aspek. Data yang diperolehi telah dianalisis untuk menghasilkan perbandingan pendekatan parti politik negara dalam membina masyarakat yang sejahtera.

## Keputusan & Perbincangan

Parti politik mempunyai peranan besar dalam membangunkan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang membawa kesejahteraan kepada semua lapisan masyarakat. Penglibatan aktif parti dalam politik bermatlamat bagi membangunkan sebuah sistem pemerintahan dan pentadbiran yang berkemampuan memelihara kebaikan dan seterusnya membawa keharmonian dalam kehidupan masyarakat. Matlamat ini sejajar dengan ajaran agama dan falsafah sejahtera yang menekankan akan aspek perpaduan negara. Para pemimpin atau pemerintah menurut Islam adalah pemegang amanah untuk menguruskan negara berdasarkan prinsip keadilan, dan menegakkan kebenaran. Aspirasi belia juga dilihat sebagai aspek utama yang perlu ditunaikan oleh pemimpin yang memerintah (Nur Ellyana & Junaidi, 2020).

Setiap parti politik berusaha untuk memperlihatkan sesuatu yang paling ideal dalam perjuangan parti mereka. Kejayaan sebuah parti adalah dengan mendukung cita-cita kebangsaan dan para pemimpinnya berjaya mengemudi negara keluar dari kepompong kemiskinan dan kemudian menjadikan Malaysia sebagai sebuah model negara membangun di persada antarabangsa (Noor Mohamad Shakil Hameed 2017). Seiring dengan arus masa yang sentiasa berubah dan kematangan masa berpolitik, masyarakat mula mencari satu parti yang benar-benar memperjuangkan hak semua bangsa seterusnya memelihara demokrasi yang menaungi kebajikan seluruh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama (Siti Rakiah Sheikh Zahari 1981). Dalam setiap kali pilihan raya, suatu yang sangat penting oleh parti politik yang bertanding ialah menghasilkan manifesto masing-masing, pernyataan bertulis yang diwacanakan mengenai kepercayaan, dasar dan hal-hal yang ditawarkan oleh parti politik (Idris Aman 2014).

Kesejahteraan merujuk kepada perspektif individu terhadap kehidupan mereka termasuk dari sudut integrasi sosial, fizikal, mental, emosi, kerohanian dan ciri sosial. Kesejahteraan juga dapat ditakrifkan sebagai satu keadaan harmoni dalam setiap kehidupan, melalui pengalaman, kebahagiaan, keseronokan, kerohanian dan kegembiraan (Nabilah Huda Zaim dan Norsaleha Mohd Salleh. 2019). Lucas dan Diener pula mentakrifkan kesejahteraan sebagai penilaian individu terhadap kualiti kehidupan mereka yang meliputi aspek kognitif dan aspek afektif (Nik Shahrizan & Marzudi Md Yunus 2020).

Menurut definisi yang dikemukakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (Jabatan Kebajikan Masyarakat 2021). di bawah Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Malaysia keluarga sejahtera membawa maksud sesuatu keadaan keluarga dalam sesebuah negara yang berada dalam keadaan selamat, sihat, aman, selesa, harmoni dan memuaskan (LPPKN 2011). Hal ini merangkumi pelbagai aspek termasuklah kepuasan dan keselesaan seperti rohani, ekonomi dan kewangan, mental, psikososial, kesihatan, politik dan kelestarian. Semangat Keluarga Malaysia jelas dilihat melalui persefahaman yang dicapai antara kerajaan dan pembangkang yang mengetepikan agenda politik demi rakyat dan negara. Jelas sekali tindakan itu satu kematangan politik selaras seperti apa yang dihasratkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam ucapan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ke-14 (Rohaniza Idris 2021).

*"Beta mengucapkan tahniah kepada pemimpin politik yang sanggup mengetepikan agenda politik demi rakyat sehingga kerajaan baharu terbina dengan tenang dan kita mampu bersidang seperti hari ini".*



Kedudukan parti-parti politik di Malaysia, sama ada UMNO, PAS, PKR mahupun Bersatu dan parti politik yang lainnya bentuk politik di negara ini pada masa akan datang adalah bergantung kepada parti pemerintah dalam usahanya menyelesaikan konflik, serta mengisi kekosongan yang diharapkan dengan kebolehan calon-calon pentadbirnya dan menghasilkan manifesto pilihan raya masing-masing sebagai wadah kesampaian parti politik dengan bakal pengundi di dalam pilihan raya (Idris Aman 2014).

Sejak dari perantikan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-9 di hadapan Yang di-Pertuan Agong hari itu suhu politik dalam negara semakin menurun dan malah hampir segalanya dilihat stabil dan tenteram dengan tumpuan diberikan kepada proses pemulihan negara dalam menghadapi bahana pandemik COVID-19 (Berita Harian 2021). Ini bertepatan dengan nasihat Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah agar diredakan suhu politik dalam negara. Perdana Menteri baru telah pun memanggil ketua-ketua blok pembangkang dari Pakatan Harapan ke Pejabatnya untuk berbincang berkenaan agenda kepentingan rakyat dalam mencari titik persamaan terbaik bagi menangani krisis pandemik COVID-19. Dalam pertemuan itu menurut Perdana Menteri kepentingan kebebasan badan kehakiman, reformasi institusi dan tata kelola kerajaan yang baik bagi memastikan keadaan yang lebih kondusif untuk rakyat dan negara dalam konteks Keluarga Malaysia telah dipersetujui (Roslan Shahir Mohd Shahir 2021).

### **Sejarah dan Perlembagaan UMNO**

UMNO adalah sebuah parti politik yang berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruh dan martabat bangsa, agama dan negara. UMNO hari ini dikenali sebagai parti yang terbesar dan pernah menjadi teras pemerintahan negara dengan jumlah kerusi yang terbanyak dan pemimpin-pemimpinnya berperanan dalam membuat dasar-dasar. Ia adalah antara parti bercorak demokratik yang tertua di negara-negara membangun dan masih kuat kedudukannya setelah melalui berbagai peristiwa dan cabaran. Ia dihormati oleh kawan dan lawan di atas prinsip-prinsip keadilannya, ketegasan dan keupayaannya menjalankan dasar-dasar yang telah dipersetujui. Penubuhan UMNO pada 11hb Mei 1946, dengan Dato' Onn bin Jaafar sebagai pemimpinnya yang pertama dapat dikatakan sebagai mengelak orang-orang Melayu di Tanah Melayu dari tenggelam di bawah satu perkembangan politik dan ekonomi yang begitu deras dan menguntungkan golongan-golongan lain yang lebih maju (UMNO Online 2021).

Perlembagaan UMNO ialah:

1. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.
2. Mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara, Perlembagaan Negeri-negeri dan Raja Berperlembagaan.
3. Menegak, mempertahankan dan mengembangkan Islam, agama rasmi negara serta menghormati prinsip kebangsaan beragama.
4. Mempertahankan kedaulatan rakyat dan keadilan sosial dengan mengamalkan Sistem Pemerintahan Demokrasi Berparlimen serta memajukan ekonomi rakyat Melayu dan Bumiputera khasnya dan rakyat Malaysia amnya.
5. Menjamin kedudukan Bahasa Kebangsaan (Bahasa Melayu) sebagai bahasa rasmi yang tunggal dan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan Kebudayaan Melayu.
6. Mewujudkan kerjasama antara kaum bagi melahirkan satu bangsa Malaysia yang kuat dan bersatu berasaskan kepada hak-hak Asasi Manusia dan Hak-Hak Istimewa Orang Melayu dan Bumiputera (UMNO Online 2021).

## Sejarah, Tujuan dan Usaha-Usaha PAS

Kemunculan PAS dalam sejarah politik tanah air telah bermula semenjak 23 Ogos 1951 apabila para ulamak yang bersidang di Kuala Lumpur bersetuju menubuhkan sebuah persatuan yang dinamakan Persatuan Ulamak Se-Malaya. Nama persatuan ini kemudiannya diubah menjadi Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) pada 24 November 1951, dalam satu persidangan ulamak Malaya di Bagan Tuan Kecil (Butterworth), Seberang Prai. Itulah sekelumit permulaan sejarah PAS yang diasaskan oleh para ulamak yang kemudiannya berkembang menjadi sebuah pertubuhan politico-dakwah yang penting di negara ini. Penglibatan dan sumbangan PAS dalam politik negara bermula sebaik sahaja ia ditubuhkan walaupun ramai pengkaji mengatakan PAS hanya menyertai politik menjelang pilihan raya 1955 (Parti Islam Se Malaysia 2021). Impak-impak perkembangan Islam yang telah dicapai menerusi kerjasama politik antara UMNO dan PAS dari tahun 1973 sehingga 1978 (Mohamad Tawfik & Osman MD 2017)

Tujuan PAS ialah:

1. Memperjuangkan wujudnya di dalam negara ini sebuah masyarakat dan pemerintahan yang terlaksana di dalamnya nilai-nilai hidup Islam dan hukum-hukumnya menuju keredhaan Allah.
2. Mempertahankan kesucian Islam serta kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Usaha-usaha

1. Menyeru umat manusia kepada Syariat Allah dan Sunnah RasulNya melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.
2. Memperjuangkan Islam sebagai aqidah dan syariat serta menjadikannya sebagai panduan berpolitik dan bernegara serta memperkenalkan nilai-nilai keIslaman dalam usaha menegakkan keadilan dan kemajuan di segenap bidang termasuk pemerintahan dan pentadbiran, ekonomi dan sosial serta pelajaran dan pendidikan.
3. Memupuk dan memperkuatkan ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan rasa perpaduan di kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkeadilan.
4. Mengajak dan menggalakkan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan bagi mengenali dan memahami serta memperjuangkan konsep dan pandangan hidup Islam.
5. Menyediakan rencana-rencana dan bertindak bagi memperbaiki susunan serta institusi-institusi masyarakat, bentuk politik, keadilan ekonomi dan negara, untuk membela kepentingan umat Islam dan rakyat seluruhnya.
6. Menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bilamana dan selama ianya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara.
7. Mempertahankan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal dalam amalannya di samping berusaha mengembangkan bahasa al-Quran.
8. Memperjuangkan wujudnya kebudayaan negara berasaskan nilai-nilai yang tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.
9. Memperjuangkan hak dan kepentingan umat Islam di negara ini tanpa mengabaikan tanggungjawab melaksanakan keadilan terhadap seluruh rakyat Malaysia dan tanggungjawab mewujudkan keharmonian antara kaum di dalam negara ini.
10. Menyertai dan bekerjasama dengan Bangsa-Bangsa Bersatu dan badan-badan lain yang sah bagi mengekalkan keamanan dan menjamin hak-hak asasi manusia serta

menghapuskan segala macam kezaliman, kepalsuan, perhambaan dan penindasan di kalangan umat manusia.

11. Melakukan apa-apa jua usaha dan tindakan dalam batas-batas Perlembagaan dan Undang Undang negara bagi mencapai semua tujuan tujuan PAS ke dalam dan ke luar (Parti Islam Se Malaysia 2021).

### **Sejarah dan Perlembagaan Parti Keadilan Rakyat (PKR)**

Parti Keadilan Nasional merupakan sebuah parti politik Malaysia yang lahir daripada gelombang Reformasi yang melanda negara selepas pemecatan Anwar Ibrahim daripada UMNO pada 2 September 1998. Sekumpulan NGO dan sebuah parti kemudian menubuhkan Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia (GERAK). Pendukung reformasi kemudiannya menubuhkan Pergerakan Keadilan Sosial (ADIL) untuk memberi platform kepada perjuangan mereka. Selepas itu, usaha menubuhkan parti politik menghadapi jalan buntu disebabkan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS) Maka gerakan Reformasi mengambil keputusan untuk mengambil alih sebuah parti kecil yang sedia ada iaitu Ikatan Masyarakat Islam Malaysia yang ditubuhkan pada 1990. Pelancaran Parti Keadilan Nasional diadakan pada 4 April 1999 (Parti Keadilan Rakyat 2018).

Selepas Pilihan raya 1999, kesedaran timbul tentang keperluan Parti Keadilan Nasional dan PRM bergabung, berdasarkan komitmen mereka yang sama terhadap Reformasi, menentang ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Pada 3 Ogos 2003 Keadilan dan PRM melancarkan Parti Keadilan Rakyat di Kuala Lumpur. Pada waktu itu Pendaftar Penubuhan masih enggan meluluskan pendaftaran parti. Maka pada Pilihanraya Umum 2004, calon-calon PRM bertanding di atas platform Keadilan. Calon tunggal yang menang ialah Presiden Parti iaitu Datin Seri Dr. Wan Azizah di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Selepas Pilihanraya Umum, akhirnya Parti Keadilan Rakyat diluluskan penubuhannya. Parti Keadilan Rakyat mendapat suntikan baru selepas pembebasan Penasihat Parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didapati tidak bersalah daripada tuduhan jenayah pada 2 September 2004, selepas enam tahun di dalam tahanan dan penjara.

### **Tujuan dan Matlamat Perjuangan Parti**

1. Mewujudkan masyarakat adil dan negara demokratik, yang progresif serta bersatu.
2. Menghormati sistem Raja Berperlembagaan, memperkukuh Demokrasi Berparlimen, dan mendukung hak serta kuasa rakyat, dan berusaha untuk memantapkan sistem politik negara yang sesuai dengan kehendak serta kepentingan rakyat.
3. Menegakkan kedaulatan undang-undang yang adil, media massa serta kehakiman yang bebas, dan pasukan keselamatan yang berkecuali.
4. Menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak, berhimpun dan berpersatuan kepada semua.
5. Mengukuhkan sistem pemerintahan Persekutuan yang adil, bertanggungjawab serta demokratik dalam mengimbangi kepentingan negeri-negeri dengan kekuasaan Pusat.
6. Menghormati kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan sambil mengiktiraf hak agama-agama lain, dan menggalakkan peranan agama serta nilai-nilai sejagat untuk menegakkan kebenaran, keadilan, ketinggian akhlak, pembangunan insan dan martabat manusia.
7. Mempertingkatkan kemuliaan insan, menegakkan hak asasi Lampiran 31 manusia, dan berpegang teguh kepada prinsip integriti dan akauntabiliti dalam bidang ekonomi, politik dan pentadbiran.



8. Melaksanakan ekonomi yang adil serta dinamik, yang mengutamakan pertumbuhan serta pengagihan yang adil dan bebas daripada penindasan, kecurangan serta pembaziran, di samping mengatasi kemiskinan dan membatasi penumpuan kekayaan.
9. Memastikan kedudukan istimewa Melayu digunakan khusus untuk menaikkan taraf sosio-ekonomi mereka yang miskin serta terbiar serta pembelaan yang adil bagi golongan bukan Melayu yang miskin dan terbiar, demi mencapai kesaksamaan untuk perpaduan nasional.
10. Menyediakan pendidikan, kesihatan dan perumahan yang bermutu, dengan bayaran yang murah lagi munasabah sebagai tanggungjawab sosial pemerintah, terutama sekali bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana.
11. Memperjuangkan serta menjamin hak bekerja, upahan adil, keselamatan di tempat kerja dan mutu kehidupan yang baik kepada setiap orang.
12. Memperjuangkan hak serta kepentingan wanita, dan menjamin mereka mencapai taraf yang saksama dalam semua bidang.
13. Memperjuangkan hak serta kepentingan belia, dan menjamin peranan yang bermakna bagi mereka dalam semua bidang kehidupan.
14. Meningkatkan mutu hidup Orang Asal di samping menghormati Adat mereka, menyediakan rancangan pembangunan yang sesuai setelah berunding dengan mereka, dan melindungi hak mereka ke atas Tanah Adat. 32 Parti Keadilan Rakyat: Sejarah dan Dasar Perjuangan
15. Memajukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa perantaraan, di samping menjamin hak rakyat mempelajari, menggunakan dan berpeluang mendapat pendidikan dalam bahasa bahasa lain; dan menggalak perkembangan kebudayaan serta kesenian Malaysia, berasaskan unsur-unsur unggul daripada semua warisan peradaban yang wujud di negara ini.
16. Melindungi alam semula jadi daripada pemusnahan; mencegah perosakan serta meningkatkan mutu alam sekitar; dan memastikan pembangunan yang mapan.
17. Menegakkan sistem antarabangsa baru yang adil serta demokratik, melaksanakan dasar luar yang bebas serta beretika, menolak proses globalisasi yang mengancam kepentingan negara serta rakyat, dan seterusnya melindungi ekonomi, politik serta keselamatan negara daripada tertakluk kepada kepentingan kuasa-kuasa besar dunia.

### **Sejarah dan Perlembagaan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU)**

Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) merupakan sebuah parti politik di Malaysia yang kini dipimpin oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin sebagai Presiden parti. Pendaftaran BERSATU diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 9 September 2016, dan seterusnya dilancarkan dalam satu majlis gilang-gemilang di Stadium Melawati, Shah Alam, Selangor, pada 14 Januari 2017 (Parti Pribumi Bersatu Malaysia 2021).

Sejak awal penubuhan, BERSATU meletakkan dirinya sebagai sebuah parti untuk orang Melayu dan Pribumi yang menawarkan politik dan pentadbiran yang bersih, berintegriti dan memerangi amalan rasuah, serta menjaga kebajikan dan kemakmuran untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama. Penyertaan sulung BERSATU dalam pilihanraya ialah pada tahun 2018 (PRU14). Pada masa itu, BERSATU memimpin gabungan Pakatan Harapan (PH) untuk menentang Barisan Nasional (BN). Kepimpinan BERSATU dalam PH membawa kepada satu sejarah penting politik Malaysia, yang mana PH telah berjaya mengambil alih pentadbiran Malaysia. BERSATU sendiri bertanding di 52 kerusi parlimen,

dan menyumbang sebanyak 13 kerusi parlimen untuk membentuk kerajaan PH. BERSATU juga memimpin kerajaan-kerajaan negeri di Kedah, Perak, dan Johor hasil daripada usaha gigih seluruh jentera parti dalam PRU14 (Parti Pribumi Bersatu Malaysia 2021).

Kejayaan BERSATU dalam PRU14 merupakan satu titik penting bagi parti itu, dan juga bagi perjalanan demokrasi di Malaysia. Ia menunjukkan bahawa walaupun baru ditubuhkan dua tahun sebelum PRU14, agenda perjuangan dan juga saf kepimpinan yang ditawarkan oleh BERSATU diterima baik oleh rakyat sehingga membawa kepada kemenangan. Tun Dr Mahathir Mohammad merupakan Pengerusi pertama BERSATU. Selepas kemenangan PRU14, beliau mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-tujuh di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, di Istana Negara, pada 10 Mei 2018. Bagaimanapun Tun Dr Mahathir meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi BERSATU pada 24 Februari 2020.

Untuk menyelamatkan negara daripada dilanda krisis politik dan kepimpinan, Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah dipilih oleh majoriti Ahli Dewan Rakyat untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-lapan. Sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat itu telah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan beliau telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 1 Mac 2020 (Parti Pribumi Bersatu Malaysia 2021).

BERSATU ditubuhkan untuk:

1. Memberikan perhatian kepada reformasi institusi untuk mengembalikan integriti di dalam pentadbiran negara.
2. Mengembalikan semula demokrasi dan kedaulatan undang-undang yang telah dinafikan dan disalahguna.
3. Memuliakan pemisahan kuasa antara Perundangan, Eksekutif dan Kehakiman.
4. Berjuang untuk menambah baik prestasi Kerajaan dan memberi kehidupan yang lebih baik buat rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.
5. Mengembalikan penghormatan dan sanjungan dunia terhadap Malaysia dan rakyatnya.
6. Bekerjasama dengan parti-parti politik dan badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai aspirasi dan prinsip sehaluan dalam usaha membentuk kepimpinan Kerajaan yang lebih baik, demi kepentingan negara dan rakyat Malaysia (Parti Pribumi Bersatu Malaysia 2021).

Matlamat Perjuangan

1. Menegakkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan menghormati hak orang bukan Islam untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing secara aman dan harmoni.
2. Menjunjung kemuliaan dan kedaulatan institusi Raja-Raja Melayu.
3. Mempertahankan kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan hak-hak yang sah untuk semua kaum.
4. Memperkasa Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan memelihara hak semua kaum untuk mempelajari bahasa ibunda masing-masing.
5. Menegakkan sistem demokrasi berparlimen dan doktrin pemisahan kuasa dengan memperkukuhkan institusi demokrasi menerusi reformasi institusi yang menyeluruh.

6. Memperkasa agenda memerangi rasuah dan salah guna kuasa untuk mewujudkan amalan tadbir urus yang baik dan pemerintahan yang bersih, beramanah dan berintegriti.
7. Memelihara hak-hak asasi rakyat sepertimana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan, menjunjung nilai-nilai keadilan sejagat yang selari dengan agama Islam, serta menjunjung keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta prinsip keadilan dan kesaksamaan.
8. Membentuk masyarakat Malaysia yang inklusif, progresif, dinamik dan saintifik serta menghargai seni, budaya dan tradisi sebagai acuan membina sebuah negara maju yang sejahtera.
9. Memperjuangkan keadilan sosial, mengagih kekayaan negara secara adil dan saksama, membela kebajikan rakyat dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan agama.
10. Mendukung prinsip bahawa setiap rakyat berhak untuk berjaya dengan memperoleh pendidikan yang berkualiti dan sempurna menerusi satu sistem pendidikan yang mementingkan pengembangan bakat, kreativiti, inovasi dan amalan nilai-nilai murni serta melaksanakan dasar dan inisiatif yang konsisten untuk merapatkan jurang pendidikan antara bandar dan luar bandar.
11. Memupuk perpaduan dan keharmonian antara masyarakat pelbagai kaum dan agama, memelihara kestabilan politik dan keselamatan negara, dan memacu pembangunan ekonomi yang mapan demi kepentingan rakyat dan negara.
12. Mengamalkan prinsip-prinsip Rukun Negara serta mendukung Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri-Negeri.
13. Menyertai pilihanraya umum Persekutuan dan Negeri serta pilihanraya kecil dengan tujuan untuk menghantar wakil parti ke Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara (Parti Pribumi Bersatu Malaysia 2021).

### **Persamaan dan Perbezaan Tujuan, Matlamat dan Dasar Berdasarkan parti UMNO, PAS, PKR dan BERSATU**

Jika dilihat dari perkembangan politik negara berkembang pesat pada hari ini. Kelahiran slogan baru Keluarga Malaysia misalnya menjadi petunjuk tentang dinamika politik negara masa kini dalam berdepan dengan cabaran dunia moden dan pandemik COVID-19. Perkembangan pemikiran politik negara pada hari ini dan peranan yang dimainkan oleh parti-parti politik negara semasa terutama pihak kerajaan. Latar belakang parti-parti negara seperti UMNO, PAS, PKR dan BERSATU penting difahami secara menyeluruh dari segi sejarah, organisasi, perlembagaan, dan usaha-usaha yang dilakukan. Kajian ini juga mendedahkan maklumat dan perkembangan organisasi ini secara umum bagi meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap peranan dan sumbangan parti dalam pembangunan politik negara.

Peningkatkan sumber rujukan tentang politik negara perlu terus ditingkatkan. Malaysia hari ini antara negara ke hadapan dalam segenap segi terutama perpaduan dalam kalangan masyarakat yang majmuk. Hal ini boleh menjadi pendorong minat masyarakat umum terutama generasi muda tentang peranan positif yang dimainkan oleh parti dalam konteks pembangunan negara. Politik bukan suatu yang negatif sebagaimana sebahagian masyarakat memahaminya. Malah, ia adalah antara penyumbang penting kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat. Penulisan ini juga mendedahkan kepentingan penglibatan semua pihak dalam memperkasakan gerakan politik demi meningkatkan kesejahteraan pemerintahan dan negara terutama dunia moden yang semakin mencabar pada hari ini.

Parti	Persamaan	Perbezaan
<b>UMNO</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempertahankan Perlembagaan negara dan menegakkan kedaulatan undang-undang negara</li> <li>- Mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai agama rasmi Persekutuan</li> <li>- Mempertahankan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan</li> <li>- Melaksanakan ekonomi yang adil</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara</li> </ul>
<b>PAS</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memupuk dan memperkuat ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan rasa perpaduan dalam kalangan rakyat bagi memelihara kehidupan politik dan masyarakat yang sihat dan berkeadilan</li> </ul>
<b>PKR</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak, berhimpun dan berpersatuan kepada semua</li> </ul>
<b>BERSATU</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memperkasa agenda memerangi rasuah dan salah guna kuasa untuk mewujudkan amalan tadbir yang bersih, beramanah dan berintergriti</li> </ul>

**Jadual 1. Persamaan dan Perbezaan Tujuan, Matlamat dan dasar berdasarkan parti UMNO, PAS, PKR dan BERSATU**

Secara ringkas, terdapat banyak persamaan diantara parti-parti politik di Malaysia. Jika dilihat daripada tujuan, usaha, matlamat dan dasar setiap parti politik, kajian mendapati bahawa parti politik hampir mempunyai halatuju yang sama iaitu kearah menjadikan Malaysia sebagai negara yang adil dan demokratik. Daripada analisis didapati UMNO, PAS, PKR dan BERSATU mempunyai persamaan iaitu mempertahankan perlembagaan negara dan menegakkan kedaulatan undang-undang negara, mempertahankan dan mengembangkan Islam sebagai agama rasmi persekutuan, mempertahankan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan dan melaksanakan ekonomi yang adil.

Namun setiap parti politik di Malaysia mempunyai perbezaan tersendiri yang menjadikan setiap parti tersebut unik dan hebat dimata para pengundi. Suatu yang menarik bagi parti UMNO ialah parti politik yang paling lama dan berjuang mendukung cita-cita kebangsaan Melayu demi mengekalkan maruah dan martabat bangsa, agama dan negara (UMNO Online 2021). Daripada jadual diatas, penerangan berkenaan mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, iaitu salah satu keunikan yang dimiliki oleh parti UMNO dan salah satu tonggak kekuatan parti tersebut.

Manakala parti PAS pula, mempunyai ciri khas tersendiri yang berkembang menjadi sebuah pertubuhan politico-dakwah yang penting di negara ini (Mohamad Tawfik & Osman MD, 2017). Usaha yang murni menyeru umat manusia kepada Syariat Allah dan sunnah Rasulullah melalui dakwah serta memupuk ukhuwah Islamiyah dan menyuburkan rasa perpaduan dalam kalangan rakyat.

Tonggak kekuatan parti PKR pula ialah menjamin kebebasan berfikir, bersuara, bergerak, berhimpun dan berpersatuan kepada semua. Parti yang lahir daripada gelombang reformasi ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pengundi terutama dari golongan belia pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018 yang dilihat lebih dekat dengan aspirasi anak muda (Nur Ellyana, Junaidi 2020).

Suatu yang menarik bagi parti BERSATU pula ialah memperkasa agenda memerangi rasuah dan salah guna kuasa untuk mewujudkan amalan tadbir yang bersih, beramanah dan berintegriti. Perkara ini terjadi kerana terlalu banyak skandal rasuah dalam kalangan pemimpin di negara ini sehingga menimbulkan kemarahan orang ramai (Nur Ellyana, Junaidi 2020). Sejak awal penubuhan BERSATU, parti ini meletakkan dirinya sebagai parti politik yang bersih, berintegriti dan memerangi amalan rasuah serta menjaga kebajikan dan kemakmuran masyarakat (Parti Pribumi Bersatu Malaysia 2021).

### **Kesimpulan**

Pemikiran politik yang dinamik dan matang dapat berkembang sejajar dengan pergerakan masa. Kemajuan dan pengalaman politik negara boleh menjadi asas kepada pembangunan pemikiran politik keseluruhannya kearah mempertingkatkan peranan agama dalam pembinaan masyarakat yang sejahtera. Maju mundurnya sesebuahnya negara adalah bergantung kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial, harmoni, bersatu padu, ada rasa kecintaan, keprihatinan antara satu sama lain dan mempunyai kerukunan. Jika diterjemahkan dalam pengurusan negara, ia menjadikan satu falsafah pengurusan yang sangat besar maknanya kepada perpaduan masyarakat yang merupakan denyut nadi kepada negara Malaysia.

Membinanya bukanlah suatu tugas yang mudah malah mungkin lebih rumit dari berperang menghadapi pandemik ini, namun ianya perlu diusahakan demi *survival* dan masa depan politik yang terjamin buat semua. Lantaran itu sebagaimana keyakinan dan kepercayaan kita berikan kepada Perdana Menteri Dato Sri Ismail Sabri untuk mengemudi kerajaan '*Keluarga Malaysia*' ini, maka parti-parti politik yang bernaung di bawahnya perlu turut memberikan keyakinan dan kepercayaan yang sama pada beliau untuk membentuk satu jajaran politik baru bagi menghadapi PRU ke-15 nanti.

### **Penghargaan**

Sekalung penghargaan ditujukan kepada pihak Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd atas pembiayaan Geran Penerbitan dalam Jurnal "International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)" (GAE/UMS-UPSI 051/22).

### **Rujukan**

- Annuar Musa. 2021. Maksud Sebenar ' Keluarga Malaysia '. *Radio Televisyen Malaysia*, 11 Sept 2021
- Berita Harian (20 Ogos 2021). Agong berkenan Ismail Sabri dilantik Perdana Menteri <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/853746/agong-berkenan-ismail-sabri-dilantik-perdana-menteri>
- Budiman Mohd Zohdi. 2021. Keluarga Malaysia bukan sekadar lagu. *Utusan Malaysia*, 14 Sept 2021
- Harian Metro (29 Ogos 2021). Lagu 'Keluarga Malaysia' ciptaan Annuar Musa didendangkan Selasa ini. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/748458/lagu-keluarga-malaysia-ciptaan-annuar-musa-didendangkan-selasa-ini>



- Idris Aman (2014). Manifesto pilihan raya dan prestasi parti politik utama Malaysia dalam pilihan raya Umum ke-13: Suatu Analisis linguistik. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 10(65-82)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2011. Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga di Malaysia.
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2016. Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga di Malaysia.
- Mohd Razali, Harun and Murshamshul Kamariah, Musa (2020) *Covid19: Faktor politik dan kesan sosio-ekonomi di Malaysia*. In: Webinar Serantau Pandemik Covid19 - WPSC19, 26-27 Aug 2020.
- Mohamad Tawfik dan Osman MD. 2017. Impak Kerjasama Politik UMNO-PAS Terhadap Perkembangan Islam di Malaysia dari Tahun 1973 Hingga 1978. *Sains Insani* e-ISSN: 0127-7871.
- Nabilah Huda Zaim dan Norsaleha Mohd Salleh. 2019. Kesejahteraan Keluarga di Malaysia: Suatu Sorotan Awal Family Well-being in Malaysia: An Initial Literature Review, *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue* (2019) e-ISSN: 2289-8042.
- Nik Shahrizan Nik Mad, Marzudi Md Yunus (2020). *Analisis Faktor-Faktor Kesejahteraan Subjektif Dalam Kalangan Peserta Mikro Kredit Amanah Ikhtiar Malaysia (Aim): Cawangan Kepong, Wilayah Selangor Dan Kuala Lumpur Tengah*. Kuala Lumpur: JMS Vol. 3 Issue 1 (2020): 351 - 383
- Noor Mohamad Shakil Hameed. 2017. UMNO perlu terus kekal relevan, *Utusan Malaysia*, 11 Mei: 11.
- Noridah Abdul Rahim. 2021. Bicara Naratif - 'Keluarga Malaysia-Semarak Perpaduan'. Radio Televisyen Malaysia, 24 Ogos 2021
- Nur Ellyana, Junaidi (2020). *Politik Belia dan Pilihan Raya Umum ke -14 di Malaysia*. E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities. Vol 17, No.7 (2020) 49-65
- Parti Islam Se Malaysia (PAS). 2021. *Tujuan dan Usaha-Usaha Parti Islam Se Malaysia (PAS)*. 15 Sept 2021.
- Parti Islam Se Malaysia (PAS). 2021. *Sejarah Parti Islam Se Malaysia (PAS)*. 15 Sept 2021.
- Parti Keadilan Rakyat. 2018. *Sejarah Parti*. Parti Keadilan Rakyat. 15 Sept 2021.
- Parti Keadilan Rakyat. 2018. *Perlembagaan Parti*. Parti Keadilan Rakyat. 15 Sept 2021.
- Parti Pribumi Bersatu Malaysia. *Sejarah Parti*. Parti Pribumi Bersatu Malaysia. 15 Sept 2021
- Parti Pribumi Bersatu Malaysia. *Tujuan dan Matlamat*. Parti Pribumi Bersatu Malaysia. 15 Sept 2021
- Rohana Yusof. 2006. *Asas sains sosial dari perspektif sosiologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaniza Idris. 2021. MoU kerajaan, pembangkang terjemahan Keluarga Malaysia. Berita Harian, 14 September 2021
- Roslan Shahir Mohd Shahir. 2021. Kerjasama politik keluarga Malaysia. Harakahdaily, 8 Sept 2021
- Siti Rakhiah Sheikh Zahari, 1981. *Pimpinan Party-Party Politik Dalam Mempolarisasikan Hubungan Kaum di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Siti Aisyah, MZ. 2018. *Saadet Partisi and AKP: Comparative Analysis of The Approaches Of Political Islam in Turkey*. Bangi: Panerbit UKM

Siti Aisyah, MZ. 2021. *Covid-19: Impak Pandemik Terhadap Konflik Emosi dan Pendidikan Di Malaysia – Satu Kajian Literatur*. JTthem Volume 6 Issue 25 (October 2021) PP. 01-14

UMNO Online. 2021. *Sejarah UMNO*. 15 Sept 2021.

UMNO Online. 2021. *Perlembagaan UMNO*. 15 Sept 2021.